

PELAKSANAAN PENSKORAN PENTAKSIRAN LISAN BAHASA MELAYU DALAM PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

(The Implementation of the Scoring for Malay Language Oral Assessment)

HALIMAH JAMIL

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
halimah_imam@hotmail.com

ROZITA RADHIAH SAID

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
radhiahrozita@upm.edu.my

Dihantar pada:

10 Julai 2019

Diterima pada:

30 Oktober 2019

Koresponden:

halimah_imam@hotmail.com

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana peserta kajian melaksanakan penskoran pentaksiran lisan di dalam bilik darjah. Fokus diberikan kepada proses penskoran yang dilakukan oleh peserta kajian dengan merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PPPB). Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kes, iaitu penelitian lapangan menggunakan tiga kaedah pengumpulan data, iaitu temu bual, pemerhatian pelaksanaan penskoran pentaksiran lisan di dalam bilik darjah, dan analisis dokumen. Tujuh orang peserta daripada empat jenis sekolah menengah terlibat dalam kajian ini. Lokasi kajian ialah sebuah SMK; sebuah SABK; sebuah SBP; dan sebuah SMKA. Keempat-empatnya terletak dalam sebuah daerah di Negeri Sembilan. Instrumen protokol dibangunkan bagi setiap penelitian di lapangan dan data yang diperoleh dianalisis secara manual dengan bantuan perisian ATLAS.ti versi 8 dan dapatan dihuraikan secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian masih dalam usaha untuk memahami dan menguasai cara terbaik membuat penskoran pentaksiran lisan berdasarkan kriteria dalam Standard Prestasi kemahiran mendengar dan bertutur DSKP. Kekeliruan, rungutan, ketidaktentuan dalam pelaksanaan penskoran masih kabur dan agak sukar diselaraskan kerana Tahap Penguasaan terlalu rigid, tidak jelas, dan bersifat subjektif. Oleh yang demikian, peserta kajian mengambil langkah membuat penskoran mengikut pemahaman dan persepsi sendiri selagi tidak bercanggah dalam ruang lingkup DSKP. Kajian ini boleh dijadikan sebagai penanda aras pencapaian guru pada peringkat awal supaya jika guru jauh tersasar maka usaha untuk berpatah balik akan merugikan wang, masa, tenaga dan masa depan anak bangsa. Kepada pihak pentadbir sekolah, KPM, dan pihak berkepentingan diharap dapat menyampaikan maklumat secara lebih jelas, bersepakut dan menyeluruh bagi mengatasi masalah ini.

Kata kunci: Pentaksiran lisan, Standard Prestasi, Tahap penguasaan, Penskoran, DSKP.

Abstract: This study aims to explore how participants conduct oral assessment scoring in the classroom. The focus is on the scoring process conducted by the study participants with reference to Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) and Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PPPB). This qualitative study uses a case study approach which is field research. Three methods were used - data collection, interviews, observation of oral assessment scoring in the classroom, as well as document analysis. Seven (7) participants from four types of secondary schools were involved in this study. The location of this study is a district in Negeri Sembilan and it involved four types of schools; a SMK, a SABK, a SBP and a SMKA. Protocol instruments were developed for each field study and the data obtained were analysed manually with the usage of ATLAS.ti version 8 software and the findings were extracted descriptively. The findings show that the participants are still in the process of understanding and mastering the best way of making oral assessment scoring based on the criteria in DSKP's Standards of listening and speaking skills (Standard Prestasi kemahiran mendengar dan bertutur). There is a lot of uncertainty and confusion when it comes to the scoring process as it is somewhat difficult to adjust because the Mastery Level is too rigid, unclear and of subjective nature. As a result of this, the participants took steps to conduct scoring according to their own perceptions as long as they are not contradicting the scope given by the DSKP. When a teacher sidetracks and goes off tangent as a result of the uncertainty and confusion in this scoring process, the effort to go on track again will take up a lot of money, time, effort and it will be at the expense of the students' future. Therefore, this study can be used as a guidance for the achievement of teachers in the early stages. Also, school administrators, KPM and all necessary stakeholders must play their part and provide information clearly, integrated and holistically to address these problems.

Keywords: Oral Assessment, Performance Standards, Mastery Levels, Scoring, DSKP.

PENGENALAN

Sistem pendidikan negara telah mengalami perubahan daripada sistem berorientasikan peperiksaan atau *examination oriented* kepada sistem PBS bermula pada tahun 2011 bagi murid sekolah rendah dan 2012 untuk murid sekolah menengah. Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia pada tahun 2012 bagi murid sekolah menengah. PBS satu sistem yang bersifat holistik bertujuan untuk menilai murid daripada aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani), dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Tedapat empat komponen dalam PBS yang memerlukan guru mentaksir setiap murid secara individu, iaitu Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum, Pentaksiran Psikometrik (Ppsi), dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) (LPM, 2012).

Pada tahun 2011 PBD dikenali dengan Pentaksiran Sekolah (PS) dan mula diperkenalkan sebagai PBD pada tahun 2018 selaras dengan kurikulum baharu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula digunakan kepada murid tingkatan satu pada tahun 2017. PBD berlangsung sepanjang tahun secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi semua mata pelajaran. PBD tidak membezakan tahap penguasaan murid sebaliknya bertujuan untuk membantu perkembangan pembelajaran murid secara menyeluruh. Malah guru dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan pembelajaran murid semasa proses pentaksiran berlangsung. Pada masa yang sama dapat memberi peluang kepada guru untuk merancang dan mengubahsuai pengajaran (KPM, 2018).

Dalam mengendalikan PBD, guru memainkan peranan penting dan bertanggungjawab untuk mentadbir, menilai, membuat penskoran, dan merekod pencapaian keseluruhan murid di peringkat sekolah (Zamri et al. 2010). Menurut KPM (2018), PBD dijalankan melalui pentaksiran formatif yang bertujuan untuk menambah baik pembelajaran murid melalui dua cara, iaitu Pentaksiran untuk Pembelajaran (*Assessment for Learning*), dan Pentaksiran sebagai Pembelajaran (*Assessment as Learning*). Pentaksiran formatif atau *Assessment for learning (AfL)* merupakan

salah satu bentuk proses pentaksiran yang membolehkan guru melihat sejauh mana murid tahu dan boleh buat sesuatu tugas yang diberi (Baird et al. 2017). Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetahui cara bagaimana guru bahasa Melayu melaksanakan penskoran pentaksiran lisan bahasa Melayu di dalam bilik darjah.

PENYATAAN MASALAH

Amalan pentaksiran dalam sistem pendidikan telah lama diperkenalkan secara global di kebanyakan negara. Antaranya ialah Amerika Syarikat, Korea, Netherlands, Australia, Kanada, dan United Kingdom. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, amalan pentaksiran dilaksanakan di sekolah dan guru diberi kuasa untuk mengendalikan pentaksiran mengikut kebijaksanaan mereka. Pelaksanaan pentaksiran di sekolah adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh KPM.

Selaras dengan kurikulum baharu KSSM, transformasi kurikulum merangkumi kandungan, pedagogi, dan pentaksiran. Pentaksiran berlangsung secara berterusan sepanjang tahun bertujuan untuk membolehkan guru sebagai pentaksir memastikan perkembangan dan pencapaian pembelajaran murid (KPM, 2016). Guru akan mentaksir murid dengan merujuk Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran. Terdapat tiga standard yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid, iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, dan Standard Prestasi. Guru akan mentaksir murid dengan melihat sejauh mana murid boleh menguasai Standard Pembelajaran dan menentukan Tahap Penguasaan yang boleh dicapai oleh murid dengan merujuk Standard Prestasi yang ditetapkan dalam DSKP.

Guru berhadapan masalah menentukan penskoran murid berikutan pengetahuan yang rendah bagaimana untuk membuat penskoran menyebabkan penilaian pentaksiran dibuat secara bias atau tidak telus (Suseela dan Sim, (2010); Tan (2010); dan Arsaythamby, Hariharan, dan Ruzlan (2015). Berdasarkan kajian berkaitan pelaksanaan penskoran pentaksiran oleh Sh. Siti Hauzimah (2019), mendapati guru tidak dapat menjalankan pentaksiran bahasa Melayu secara mendalam dan

menyeluruh berikut bilangan Tahap Penguasaan (TP) yang perlu dicapai oleh murid terlalu banyak untuk ditaksir. Selain itu, bilangan topik pembelajaran yang banyak, waktu PdP yang terhad, dan guru terlalu sibuk dengan tanggungjawab memegang jawatan-jawatan penting di sekolah menjadi faktor utama amalan pentaksiran di dalam bilik darjah mengikut prosedur yang ditetapkan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Berdasarkan dapatan kajian oleh Hamimah dan Rohaya (2014), mendapati guru masih belum menguasai dan mahir untuk melaksanakan pentaksiran lisan. Hal ini memberi kesan kepada kegagalan guru memantau perkembangan pembelajaran murid oleh sebab kurangnya pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan pentaksiran.

Dalam kajian ini, aspek pengetahuan dan kefahaman guru terhadap pelaksanaan penskoran pentaksiran lisan sangat penting supaya penskoran yang dibuat oleh guru mengikut prosedur yang betul, telus, dan tiada unsur bias yang berlaku kepada setiap murid. Oleh itu, guru perlu diberi pendedahan yang mendalam dan terperinci bagaimana untuk menentukan penskoran pentaksiran yang sebenar. Malah guru juga perlu diberi kefahaman dan kemahiran yang tinggi setiap penyataan Standard Prestasi yang mengandungi TP supaya penskoran dapat dilakukan dengan betul dan tepat. Justeru, rentetan daripada kajian lepas membuktikan bahawa pelaksanaan PBS perlu dimantapkan dan ditambah baik pada masa akan datang (Norazilawati et al., 2015).

TINJAUAN LITERATUR

Dalam konteks pendidikan bahasa Melayu, pentaksiran lisan telah lama dipraktikkan dalam kalangan murid di sekolah menengah. Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (2000), pentaksiran lisan dapat ditakrifkan kepada keupayaan murid untuk menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, idea yang kritis dan kreatif secara lisan dengan menggunakan tatabahasa, sebutan dan intonasi yang betul dan sopan. Kemahiran lisan sememangnya ditekankan dan dilaksanakan dalam PdP bahasa Melayu. Penambahbaikan terhadap pelaksanaan pentaksiran lisan berlaku dari semasa ke semasa bagi tujuan memantapkan lagi pelaksanaan

pentaksiran lisan di dalam bilik darjah. Pada tahun 1900an, ujian lisan dilaksanakan secara terancang dan sistematik melibatkan beberapa orang guru bahasa Melayu. Guru-guru tersebut akan melakukan ujian lisan mengikut lokasi sekolah yang berbeza dan tarikh yang telah ditetapkan untuk menguji ujian lisan setiap murid. Keadaan ini dikawal selia oleh pihak KPM dan murid yang diuji tidak mengenali pengujinya.

Oleh yang demikian, berdasarkan pandangan beberapa pihak dan keperluan kepesatan perubahan pendidikan, penambahbaikan berlaku dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang memberi penekanan bahawa pelaksanaan Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) wajib dilaksanakan dalam mata pelajaran bahasa Melayu menengah rendah (tingkatan satu hingga tingkatan tiga) bermula pada tahun 2003. Manakala, aspek penilaian pentaksiran lisan dipertanggungjawabkan kepada guru bahasa Melayu mengikut bilik darjah yang diajar. Pengagihan tugas ini bersesuaian dengan guru yang mengajar murid tersebut kerana hanya guru mata pelajaran yang lebih arif, mengenali, dan mengetahui perkembangan pembelajaran murid mereka. Guru akan menilai PLBS setiap murid sebanyak dua kali setahun berdasarkan rubrik pentaksiran yang telah disediakan oleh pihak LPM. Heejeong (2015) menyatakan bahawa rubrik adalah skala dan kriteria yang diperlukan oleh pentaksir semasa menjalankan pentaksiran.

Rubrik disusun secara hierarki yang memaparkan tahap paling mudah kepada tahap lebih kompleks yang ditentukan oleh guru melalui pentaksiran semasa proses PdP. Rubrik digunakan oleh pentaksir sebagai alat untuk menilai dan mengesan perkembangan pembelajaran murid serta membolehkan murid memperbaik pencapaian pembelajaran mereka (Arter, 2000). Oleh itu, aspek yang dinilai ke atas murid semasa guru menjalankan PLBS meliputi beberapa konstruk yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) seperti i) tatabahasa dan kosa kata; ii) sebutan, intonasi, dan nada; iii) fasih dan bermakna; dan iv) bertatasusila.

Seterusnya, transformasi pendidikan di negara berlaku setanding dengan negara-negara maju. Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) salah satu usaha kerajaan mentransformasikan pendidikan dengan melaksanakan sistem pentaksiran dalam sistem

pendidikan negara. SPPK yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan transformasi daripada sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan (ujian pencapaian dan peperiksaan) kepada sistem yang lebih holistik. Sistem ini bertujuan untuk membuat penilaian terhadap potensi murid, kesediaan untuk belajar, dan menguji penguasaan serta pencapaian murid. Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mula diperaktikkan pada tahun 2012 di sekolah menengah dengan memberi penekanan kepada pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*) (KPM, 2012).

PBS yang bersifat holistik memerlukan guru menilai murid daripada aspek kognitif, afektif, dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). PBS terdiri daripada dua komponen, iaitu akademik dan bukan akademik. Akademik terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala kategori bukan akademik merangkumi Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan, dan Kokurikulum (PAJSK). Guru diberi pengiktirafan dan autonomi untuk merancang, membina, mentadbir, memeriksa, merekod, dan melaporkan perkembangan pembelajaran murid yang ditaksir semasa mengendalikan pentaksiran sekolah. Guru akan menjalankan pentaksiran formatif yang berlangsung seiring dengan proses PdP dan pentaksiran sumatif berdasarkan sekolah (KPM, 2012). Penilaian yang dilakukan oleh guru semasa pentaksiran adalah dengan merujuk Standard Prestasi (Band 1 hingga Band 6) bagi membolehkan guru mengukur dan menentukan prestasi atau tahap penguasaan yang dicapai dalam pembelajaran.

Selaras dengan sistem pendidikan yang berteraskan pentaksiran, kurikulum baharu yang dikenali sebagai KSSM mula digunakan bagi murid tingkatan satu pada tahun 2017 bagi menggantikan KBSM. KSSM telah menyediakan DSKP sebagai rujukan dan pegangan utama guru semasa menjalankan pentaksiran dan PdP. DSKP merupakan satu dokumen yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran yang terdiri daripada Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP), dan Standard Prestasi (KPM, 2017). Guru bahasa Melayu perlu merujuk SK dan SP semasa

melaksanakan PBD secara bersepadu dengan proses PdP di dalam bilik darjah. PBD mula dikenali pada tahun 2016 yang dahulunya dikenali sebagai pentaksiran pusat (PS) pada tahun 2012. Seterusnya, guru akan merujuk SPi untuk mengukur dan menentukan tahap perkembangan pembelajaran murid berdasarkan tahap penguasaan yang dicapai oleh murid tanpa membandingkan prestasi dengan murid yang lain. Jadual 1 menunjukkan Standard Prestasi kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Melayu tingkatan 1:

JADUAL 1: Standard Prestasi Kemahiran Mendengar dan Bertutur

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR	
Tahap Penguasaan	Penyataan
1	Memberikan respons terhadap maklumat, fakta dan idea dalam pengumuman dan ucapan yang diperdengarkan dengan menggunakan sebutan mengikut konteks serta memahami perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran pada tahap sangat terhad
2	Memberikan respons terhadap maklumat, fakta dan idea dalam pengumuman dan ucapan yang diperdengarkan dengan menggunakan sebutan yang betul mengikut konteks serta memahami perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran pada tahap terhad.
3	Memberikan respons terhadap maklumat, fakta dan idea dalam pengumuman dan ucapan yang diperdengarkan dengan menggunakan sebutan yang betul mengikut konteks serta memahami perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran pada tahap memuaskan.
4	Memberikan respons terhadap maklumat, fakta dan idea dalam pengumuman dan ucapan yang diperdengarkan dengan menggunakan sebutan yang tepat mengikut konteks serta memahami perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran pada tahap kukuh.
5	Memberikan respons terhadap maklumat,fakta dan idea dalam

	pengumuman dan ucapan yang diperdengarkan pada tahap terperinci mengikut konteks serta memahami perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran menggunakan sebutan yang tepat pada tahap kukuh dan tekal.		(berpasangan) 5. Model kumpulan	3. Ketua Pentaksir Kawasan (dilantik oleh JPN) 4. Ketua Pentaksir Sekolah (dilantik oleh Pengetua) 5. Pentaksir Sekolah (dilantik oleh Pengetua)
6	Memberikan respons terhadap maklumat, fakta dan idea dalam pengumuman dan ucapan yang diperdengarkan mengikut konteks serta memahami perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran dengan menggunakan sebutan yang tepat pada tahap terperinci, tekal dan menjadi teladan.			

Kesimpulannya, dalam menjalankan pentaksiran lisan di dalam bilik darjah rubrik pentaksiran diperlukan oleh guru untuk membuat penskoran pentaksiran mengikut keupayaan pembelajaran murid. Sebagai seorang pentaksir, guru perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran, dan menguasai setiap penyataan tahap penguasaan yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid semasa pentaksiran. Jadual 2 menunjukkan sistem pelaksanaan pentaksiran lisan yang ditetapkan oleh KPM.

JADUAL 2: Sistem Pelaksanaan Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu

Tahun	Pen-taksiran Lisan	Dokumen yang Dirujuk	Aspek yang Ditaksir	
2003-2011	PLBS	Buku Manual Pengurusan dan Pengendalian PLBS	1. Tatabahasa dan kosa kata 2. Sebutan, intonasi, dan nada 3. Fasih dan bermakna 4. Bertatasusila. 5.	
	Kriteria	Model Pentaksiran	Pihak yang Bertanggung-jawab	
	Peringkat A, B, C, atau D	1. Model individu 2. Model individu-pendengar 3. Model individu-penggalak 4. Model kumpulan	1. Ketua Pentaksir Kebangsaan (dilantik oleh LPM) 2. Ketua Pentaksir Negeri (dilantik oleh JPN)	1. Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2. Peringkat Negeri (JPN) 3. Peringkat Daerah (PPD)Peringkat Sekolah (Pengetua/ Penolong Kanan Pentadbiran/ Guru Kanan Mata Pelajaran/ Ketua Panitia/Guru yang dilantik)
2012-2016	PS	1. Panduan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) 2. Dokumen Standard Prestasi (DSP) 3. Manual Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS)	Standard Prestasi	
2017-kini	PBD	1. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) 2. Panduan	1. Standard Kandungan 2. Standard Pembelajaran 3. Standard Prestasi	

	Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PPPBD)	
Kriteria	Model Pentaksiran	Pihak yang Bertanggung-jawab
Tahap Penggunaan 1 hingga Tahap Penggunaan 6 mengikut hierarki.	1. Individu 2. Berpasangan 3. Berkumpulan	1. KPM, JPN, PPD, 2. Peringkat Sekolah (Pengetua/Penolong Kanan Pentadbiran/Guru Kanan Mata Pelajaran/Ketua Panitia/Guru yang dilantik)

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk: Mengenal pasti cara penskoran Tahap Penggunaan murid semasa pelaksanaan pentaksiran lisan.

METODOLOGI Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Yin (2011) menyatakan bahawa seorang pengkaji berperanan sebagai instrumen utama kajian dalam pengumpulan dan penganalisisan data. Sehubungan dengan itu, empat buah sekolah berlainan kategori, iaitu 1) SMK; 2) SABK; 3) SBP; dan 4) SMKA terlibat dalam kajian ini. Pengkaji telah menjalankan kajian dengan melaksanakan temu bual, membuat pemerhatian dalam bilik darjah, dan menganalisis dokumen bertujuan untuk meneliti fenomena yang sebenar berlaku semasa guru mengendalikan pentaksiran lisan bahasa Melayu. Pengkaji bertanggungjawab ke lapangan untuk tujuan meneroka data secara naturalistik dan realistik.

Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan tujuh orang guru bahasa Melayu sebagai peserta kajian yang mengajar di empat buah sekolah menengah berlainan kategori di salah sebuah daerah di Negeri Sembilan. Dua

orang peserta kajian mewakili setiap sekolah yang dipilih. Peserta Kajian 01 (PK01) dan Peserta Kajian 02 (PK02) di sekolah SMK, Peserta Kajian 03 (PK03) dan Peserta Kajian 04 (PK04) di sekolah SABK, Peserta Kajian 05 (PK05) dan Peserta Kajian 06 (PK06) di sekolah SBP, dan Peserta 07 (PK07) di sekolah SMKA.

Seorang daripada peserta kajian berkelulusan ijazah pertama dalam Pengajian Melayu dan memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Pendidikan, seorang peserta kajian memiliki Ijazah pertama dalam bidang Bahasa Melayu dan Kesusteraan, tiga orang peserta kajian memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama, dan dua orang guru berkelulusan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM). Sufean Hussin dan Ghazali Darusalam (2016) menegaskan bahawa pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan persampelan bertujuan, iaitu memenuhi kriteria, sifat, dan mempunyai maklumat seperti yang ditetapkan dalam kajian.

Temu bual

Kajian ini menggunakan temu bual semi-struktur. Menurut Sufean dan Ghazali (2016), penentuan jumlah soalan yang akan dikemukakan kepada peserta kajian adalah ditentukan oleh penyelidik dan penambahan soalan boleh dilakukan semasa berlangsungnya sesi temu bual. Ini bertujuan untuk memperoleh maklumat tambahan secara lebih mendalam (*in-depth*) berikutan beberapa aspek atau jawapan yang dikemukakan oleh peserta kajian kurang jelas atau kurang menjawab soalan yang diberikan oleh pengkaji.

Pemerhatian

Tujuan kajian ini adalah untuk memahami proses amalan guru semasa melaksanakan penskoran pentaksiran lisan bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian sebagai kaedah utama semasa proses mengutip data. Kaedah pemerhatian dapat membantu pengkaji memahami dan mengetahui fenomena yang sebenarnya berlaku semasa guru membuat penskoran pentaksiran lisan.

Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji merupakan sesuatu yang tidak ternilai semasa mengutip data kerana pengkaji melihat sendiri situasi secara langsung tanpa ditapis berbanding

sekiranya mendapat sesuatu laporan atau beberapa dokumen yang diterima (Yin, 2011). Seterusnya, pengkaji perlulah terlebih dahulu menentukan nilai data yang diambil, membuat perancangan dengan sistematik dan maklumat disimpan sebelum dianalisis dan menulis laporan kajian (Sufean Hussin & Ghazali Darusalam, 2016). Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat pemerhatian untuk mengumpul data dan mengenal pasti bagaimana amalan penskoran pentaksiran lisan yang berlaku seiring dengan PdP bahasa Melayu.

Sebelum membuat pemerhatian, pengkaji terlebih dahulu memaklumkan kepada peserta kajian bahawa pengkaji akan merakam sesi PdP dengan menggunakan rakaman video dan rakaman audio. Kesemua peserta kajian bersetuju dan memberi kerjasama yang baik. Pada peringkat ini, pengkaji menjalankan pemerhatian khusus terhadap pelaksanaan penskoran pentaksiran lisan sepanjang proses PdP yang berlangsung selama satu jam atau satu jam setengah bergantung kepada jumlah waktu yang diberi oleh peserta kajian. Di samping itu, sambil membuat pemerhatian, pengkaji membuat catatan lapangan, iaitu satu deskripsi yang konkret dan terperinci tentang setiap perkara yang diperhatikan. Senarai semak juga digunakan oleh pengkaji untuk melihat dan memerhati perlakuan serta peristiwa yang berlaku semasa pelaksanaan penskoran pentaksiran lisan.

DAPATAN KAJIAN

Rubrik Tahap Penguasaan

Dapatan kajian mendapati peserta kajian merujuk Standard Prestasi untuk menentukan skor murid mengikut TP yang dicapai oleh murid tetapi mengikut pemahaman mereka sendiri berdasarkan pernyataan yang ditetapkan dalam TP. Mereka menyatakan bahawa pernyataan TP adalah sangat rigid, tidak jelas, dan tidak boleh diukur menyebabkan mereka membuat penskoran secara persepsi sendiri. PK01 dan PK06 memberi penjelasan seperti berikut:

PK01: Sangat rigidlah tapi ikut penilaian kitalah. Ikut penilaian kitalah. Sebenarnya tak jelas... tak boleh nak ukur. Tapi kita punya persepsi tu ikut budak kitalah. Saya ikut saya punya persepsilah.

PK06: Kurang jelas. Macam terperinci ni... so terperinci dari segi apa. So, mungkin kita boleh ambil tajuk yang telah kita beri kepada dia adakah dia mengulas dengan lebih terperinci so ikut situ saya bagi markah. Saya ikut kefahaman saya sendiri. Kalau bagi skor ni biasanya atas pemerhatian saya sajalah. Pelajar boleh cakap dengan baik... kelancaran... pertimbangan saya sendiri.

Dapatan temu bual menunjukkan peserta kajian akur dengan arahan DSKP yang memerlukan mereka merujuk TP semasa membuat penskoran pentaksiran lisan tetapi mengikut pemahaman mereka sendiri untuk menentukan TP. Semasa pemerhatian, pengkaji mendapati PK01 dan PK06 membuat penskoran di dalam bilik darjah dengan memerhati dan meneliti setiap kali murid berinteraksi semasa murid melakukan perbincangan dalam kumpulan. Mereka juga akan menegur murid serta merta sekiranya terdapat kesalahan struktur ayat atau tatabahasa yang digunakan oleh murid.

Namun demikian, pelaksanaan penskoran yang dilakukan mengikut persepsi sendiri oleh peserta kajian adalah tidak menepati ketetapan DSKP. Tindakan ini akan memberi impak kepada penskoran yang tidak tepat dan telus berikutkan tidak memenuhi pernyataan Standard Prestasi dalam menentukan pencapaian Tahap Penguasaan murid. Hal ini berlaku kerana peserta kajian masih tidak faham dengan pernyataan TP. Jika amalan ini berlaku secara berterusan oleh guru dan tiada inisiatif untuk membuat penambahan oleh pihak berkepentingan sudah pasti pelaksanaan pentaksiran di sekolah tidak mencapai objektif pentaksiran dan PdP.

Penilaian Secara Pertimbangan Profesional

Dapatan kajian juga mendapati peserta kajian mengamalkan penilaian secara pertimbangan profesional semasa pentaksiran lisan. Dapatan ini selari dengan garis panduan yang terdapat dalam PPPBD. PPPBD menganjurkan kepada guru-guru yang menjalankan pentaksiran di dalam bilik darjah agar melakukan pertimbangan profesional berdasarkan pengetahuan, tanggungjawab profesional, pengalaman, dan input murid.

Pertimbangan profesional yang dilakukan oleh guru meliputi pemerhatian, perbincangan dua hala, soal jawab, lembaran kerja murid, buku log,

portfolio, jurnal harian, kuiz, eseи, puisi, slaid pembentangan, hasil projek, dan apa-apa aktiviti yang bersesuaian. PK01 menyatakan beliau mempraktikkan pertimbangan profesional dengan menggunakan pendekatan secara santai bagi menggalakkan murid bertutur ketika berinteraksi. Kenyataan yang diberikan oleh beliau adalah seperti berikut:

PK01: Setakat boleh bercakap kita sebagai **guru perlu merangsang muridlah. Kita kena pandailah.** Saya kena pandailah dalam situasi yang santai. **Saya lebih suka duduk di depan dia bersama beberapa orang.** Jadi, mungkin dia tak sedar kita sedang uji dia dalam situasi macam tu. So, kaedah tu pun saya buat juga. Oh dia ni boleh bercakap sebenarnya. **Saya menilai juga di situ.**

PK03 berpendapat bahawa beliau menjalankan penilaian secara pertimbangan profesional kepada murid secara menyeluruh. Beliau menambah lagi bahawa guru mengenali setiap individu murid yang diajar, maka pertimbangan profesional perlu dilakukan secara bijaksana. Berikut ialah kenyataan PK03:

PK03: Ok, daripada saya kursus sekali pun bila kami diberi pendedahan dari segi tahap ni **kami memang kena lihat prestasi pelajar tersebut dan guru kena menilai keseluruhan pelajar tersebut.** Sebab dia sendiri kenal pelajar dia kat situlah dia memainkan peranan dia secara profesional di tahap mana ketika komunikasi dalam pentaksiran lisan.

Begitu juga dengan PK06 yang mempraktikkan penilaian secara pertimbangan profesional semasa pentaksiran lisan. Beliau melakukan secara pemerhatian yang kerap kepada murid beliau. Beliau memahami bahawa pemerhatian dalam satu tempoh masa yang sesuai membantu guru untuk membuat pertimbangan profesional. Beliau menyatakan bahawa:

PK06: Kalau bagi skor ni biasanya atas pemerhatian saya sajalah. Pelajar boleh cakap dengan baik... kelancaran... pertimbangan saya sendiri

Melalui pemerhatian pengkaji, penilaian pentaksiran lisan yang dilakukan oleh peserta kajian juga dibuat secara pertimbangan

profesional. Pengkaji memerhatikan bahawa peserta kajian akan memastikan murid diberi peluang sekerap mungkin sekiranya murid masih belum dapat mengemukakan hujahan dengan tepat. Misalnya, peserta kajian akan berosal jawab untuk mencungkil sejauh mana pengetahuan sedia ada murid berkaitan sesuatu topik yang dibincangkan. Tindakan peserta kajian merangsang murid untuk memberi jawapan yang dikehendaki oleh peserta kajian. Secara tidak langsung, murid bermotivasi untuk meningkatkan kemahiran bertutur mereka.

Penilaian Secara Individu

Dapatkan kajian mendapati guru membuat penskoran pentaksiran murid dengan memberi penilaian secara individu. Hasil dapatan kajian membuktikan peserta kajian memahami bahawa murid perlu diberi penilaian secara individu kerana setiap murid mempunyai potensi yang berbeza. Sebagai contoh, PK01 akan melihat setiap murid yang berbincang dalam kumpulan dan memberi skor berdasarkan kemampuan murid mengutarakan pendapat semasa berinteraksi. PK01 menyatakan seperti berikut:

PK01: Bila dia bergerak dalam kumpulan tapi bila menilai **saya akan menilai secara individu macam mana potensi dia.** Kalau kumpulan tu ada pelbagai prestasi tapi **penilaian tu kita lihat mereka berpotensi bercakap,** ada idea bercakap kemudian intonasi tu kita kena kenal pasti memang baik, so kita punya **justifikasi nak kata dia tu baik, cemerlang...** hah kalau ada ciri-ciri tu memang dah ada ciri tu. Kita dah ada borang tadi ciri-ciri dah ada.

Kenyataan yang diberikan oleh PK01 disokong oleh PK06 yang membuat penilaian pentaksiran kepada murid beliau secara individu. Perhatikan penyataan beliau:

PK06: **Walaupun kerja kumpulan, dia akan bercakap. Setiap individu itu akan bercakap.** Jadi kita akan bagi tajuk yang sama. Kita suruh dia bercakap jugalah. **Walaupun berkumpulan kita tengok dari aspek individu.**

Dapatkan pemerhatian menunjukkan bahawa peserta kajian akan bergerak ke setiap kumpulan perbincangan murid. Pengkaji mendapati, peserta kajian menilai murid secara individu semasa murid

memberi idea kepada ahli kumpulan secara lisan. Peserta kajian akan memastikan setiap murid bercakap tentang tajuk tugas yang diberi. Dapatkan pemerhatian juga membuktikan peserta kajian akan merangsang dan menggalakkan murid yang tidak aktif dengan bersoal jawab kepada murid yang berkenaan. Dapat diperhatikan hasil analisis kajian menunjukkan bahawa peserta-peserta kajian mematuhi PPPBD dalam melaksanakan penskoran pentaksiran lisan.

Namun demikian, hanya dua orang peserta kajian, iaitu PK03 dan PK04 menyatakan mereka melaksanakan penilaian penskoran murid secara purata. Mereka menerangkan bahawa penilaian dibuat berdasarkan wakil kumpulan yang membentangkan tugas. Kedua-dua peserta kajian menganggap bahawa wakil kumpulan yang berhujah di hadapan kelas sudah dikira mewakili ahli kumpulan yang lain dengan mengambil kira pandangan dan idea yang dikemukakan oleh setiap ahli.

Oleh itu, setiap ahli kumpulan akan menerima TP yang sama berdasarkan skor yang diterima oleh wakil pembentang. Selain itu, mereka menjelaskan lagi bahawa pemberian skor secara purata dilakukan untuk menjimatkan masa kerana bilangan murid di dalam bilik darjah yang ramai dan tidak dilakukan secara individu kerana memerlukan masa yang panjang untuk menilai setiap murid. Berikut ialah pernyataan PK03 dan PK04:

PK03: Okay, saya lebih suka kerja berkumpulan. Apabila satu kumpulan tersebut dapat melaksanakan tugas dengan baik dekat situ menunjukkan kerjasama di antara ahli kumpulan. Oleh itu, sekiranya saya dapat hasil daripada mereka tu yang hasil terbaik kat situ saya akan bagi markah yang tinggilah. Saya beri secara purata markah satu kumpulan satu markah.

PK04: Selalunya dalam aktiviti berkumpulan kadang-kadang saya ambil markah secara purata. Dalam kumpulan tu dia boleh menerangkan tajuk tu dengan baik pada pendapat saya semua ahli kumpulan tu telah melaksanakan pentaksiran lisan dengan baik. Maksudnya kalau ahli kumpulan tu semua boleh menerangkan tajuk tersebut maka saya beranggapan yang kesemua pelajar tu memahami dan boleh memberi *feedback* ataupun memberi pandangan atau idea dalam aktiviti tersebut.

Kebanyakannya setiap ahli tu dapat band yang sama. Yelah...untuk mengelakkan kekangan masa tak dapat nak nilai semua. Jadi bila buat pembentangan semua ahli kumpulan tu mencapai tahap band yang sama.

Kenyataan yang diberikan oleh kedua-dua peserta kajian di atas dengan memberi penilaian pentaksiran lisan secara purata adalah tidak mengikut ketetapan dalam PPPBD. Penskoran seharusnya diberi kepada setiap murid secara individu kerana setiap murid mempunyai kebolehan dan potensi yang berbeza. Dapatkan pemerhatian menunjukkan bahawa setiap kali perbincangan kumpulan tamat, peserta kajian meminta seorang wakil kumpulan ke hadapan kelas untuk membentangkan hasil kerja kumpulan. Wakil kumpulan akan menyampaikan idea dan pandangan hasil perbincangan dengan rakan sebaya tentang tajuk yang yang dibincang bersama.

Kemudian, peserta kajian akan memberi skor yang sama kepada semua ahli kumpulan. Malah setelah PdP tamat, pengkaji bertanya sekali lagi kepada PK04 bahawa bagaimana beliau membuat penskoran. PK04 menyatakan bahawa “*Macam yang saya katakan, pada saya kalau ada sebahagian yang boleh jawab tu.... lump sumlah. Pukul ratalah*”. Keadaan yang berlaku menunjukkan ketidakadilan, bias, tidak telus dan skor yang diterima oleh murid adalah tidak tepat dan betul. Setiap murid seharusnya diberi peluang untuk berinteraksi kerana potensi dan keupayaan setiap murid adalah berbeza. Jadual 3 dan Rajah 1 menunjukkan contoh data triangulasi.

JADUAL 3: Contoh Penganalisisan Data Triangulasi

Tema	Peserta Kajian	Data Temu Bual	Data Pemerhatian
Rubrik Tahap Penggunaan	PK01	Sangat rigidlah tapi ikut penilaian kitalah. Ikut penilaian kitalah. Sebenarnya tak jelas... tak boleh nak ukur. Tapi kita punya persepsi tu ikut budak kitalah. Saya ikut saya punya persepsi.	Didapati semasa pemerhatian PK01 melihat setiap murid berinteraksi dengan ahli kumpulan. PK01 menilai murid ketika mereka mengemukakan idea dan memberi respons secara lisan serta memberi TP berdasarkan pemahaman

		beliau.			
PK02	Kalau dari segi lisan kalau dia mampu beri dari segi idea, ayat bertutur dia masih gramatis dan struktur ayat masih baik lagi. Saya mungkin akan bagi tahap 4 atau tahap 5.	Semasa pemerhatian, pengkaji mendapat PK02 memastikan setiap murid dapat bertutur untuk memberi idea ketika perbincangan dalam kumpulan.	memang betul ada fakta yang bukan sekadar awang-awangan aaa...dan ada merujuk mananya statistik atau sumber ke secara sahih saya akan kira terus 6 lah. Kalau masih diragui 5. Kalau memuaskan 4 untuk tahap budak asrama penuhlah. Sebab mereka telahpun dibekalkan dengan bahan bacaan yang kita tahan...akhbar.		dengan menggunakan tatabahasa yang betul dan pengkaji mendapat murid boleh mengemukakan pandangan mengikut perkembangan isu semasa.
PK03	Dimaksudkan dengan sangat terhad tu pelajar itu boleh menjawab tetapi jawapan dia satu jawapan sahaja. Dia tak boleh nak mengembangkan jawapan tersebut. Kalau kita tanya...contoh paling mudahlah... kita tanya nama. Dia akan sebut nama dia saja. Dia tak boleh huraikan bin siapa binti siapa. Itu kita kata dia boleh menjawab tetapi terlalu terhad jawapan dia.	Didapati ketika pemerhatian, PK03 menilai murid mengikut TP dalam DSKP namun berdasarkan pemahaman beliau. PK03 juga tidak menilai murid secara individu sebaliknya secara purata, iaitu setiap murid dalam kumpulan mendapat skor yang sama.	PK06	Kurang jelas. Macam terperinci ni... so terperinci dari segi apa. So, mungkin kita boleh ambil tajuk yang telah kita beri kepada dia adakah dia mengulas dengan lebih terperinci so ikut situ saya bagi markah. Saya ikut kefahaman saya sendiri. Kalau bagi skor ni biasanya atas pemerhatian saya sajalah. Pelajar boleh cakap dengan baik... kelancaran... pertimbangan saya sendiri.	Data pemerhatian menunjukkan PK06 memberi skor pentaksiran kepada murid melalui pemerhatian dan memberi TP kepada murid mengikut persepsi beliau.
PK04	Macam tahap 1 tu pelajar tu boleh boleh bercakap je... boleh je memberi idea kepada soalan kita... hah tahap 1 dia dah lepaslah. 2 dan 3 tu kalau dia boleh memberi lebih idea-idea yang baharu. Tapi kalau dia boleh menyampaikan secara bertatasusila dengan adanya bukti-bukt yang dikemukakan tu kukuh. Kalau kita tengok kat deskriptor untuk band mungkin dia capai band 4. Macam tahap 5 dan 6 tu pelajar dia boleh memberi dengan mithali maknanya penggunaan bahasanya sangat bagus.	PK04 akan menentukan TP murid mengikut pemahaman beliau. Dapatkan pemerhatian menunjukkan PK04 membuat penskoran dengan memberi skor yang sama kepada semua murid yang ditaksir dalam satu kumpulan.	PK07	Dia punya penyataan tu sama sahaja cuma yang hujung tu je. Nak menentukannya tu macam sangat terhad tu saya rasa memang kurang bercakap... kurang komunikasi...kurang idea...tak boleh nak huraikan isi tu dengan lebih dengan jelas kot.	Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji mendapat PK07 membuat penskoran mengikut pemahaman beliau sendiri semasa menentukan TP murid.
PK05	Tapi kalau dia menjawab secara keseluruhan isu yang kita berikan tu dan dia memberi respon tu maklumat	Melalui pemerhatian pengkaji, PK01 sentiasa memastikan murid dapat berhujah			

RAJAH 1: Contoh Borang Transit Penskoran Pentaksiran Lisan Peserta Kajian

SIRI	NAAM	TAHAP PENGUASAAN BIASA-BIASA STANDAR PRESTASI	RESPONSEN SAMA MESTUAR			MENGETAHUI			MERASUH		
			1	2	3	4	5	6	7	8	9
1.			/								
2.											
3.											
4.											
5.											
6.											
7.											
8.											
9.											
10.											
11.											
12.											
13.											
14.											
15.											
16.											
17.											
18.											
19.											
20.											

RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Pelaksanaan sistem pentaksiran dalam pendidikan bahasa Melayu mula diberi penekanan pada tahun 2012 di sekolah menengah. Secara ringkasnya, peserta kajian yang mengajar bahasa Melayu akur dengan sistem pentaksiran yang berlaku seiring dengan proses PdP. Namun demikian, amalan penskoran pentaksiran lisan dalam kalangan peserta kajian masih berada pada tahap yang rendah. Dapatan kajian mendapati peserta kajian masih belum jelas dan tidak memahami dengan mendalam penyataan yang terdapat dalam Standard Prestasi (Spi) untuk menentukan Tahap Penguasaan (TP) yang perlu dicapai oleh murid. Ini menyebabkan penskoran yang dilakukan oleh peserta kajian mengikut pemahaman dan persepsi mereka sendiri.

Tindakan yang diambil oleh peserta kajian ini kerana TP dalam SPi didapati terlalu subjektif dan sukar untuk peserta kajian mengukur pentaksiran lisan murid. Hal ini akan menyebabkan mutu pengajaran dan kemahiran amalan pentaksiran dalam kalangan guru berada pada tahap yang rendah. Selain itu, langkah yang diambil oleh peserta kajian dengan membuat penilaian secara pertimbangan profesional adalah wajar dan menepati garis panduan PPPBD. Tidak dinafikan hanya guru yang mengajar dan berada dalam bilik

darjah bersama-sama murid mengenali dan mengetahui potensi murid masing-masing.

Seterusnya, penskoran pentaksiran seharusnya dinilai oleh peserta kajian secara individu dan bukannya dibuat secara purata dengan memberi penilaian yang seragam kepada semua murid dalam satu kumpulan. Winke (2012) dan Lazaraton (2014) menjelaskan bahawa penskoran pentaksiran lisan satu proses yang sukar jika dibandingkan dengan kemahiran menulis khususnya dalam menentukan kebolehpercayaannya jika dibandingkan dengan empat kemahiran bahasa yang lain. Beliau menegaskan guru perlu diberi bimbingan, latihan, dan dipantau oleh pihak berkepentingan agar penskoran dapat diukur dengan tepat dan boleh dipercayai.

Oleh itu, pihak berkepentingan khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM perlu meningkat profesionalisme khususnya dalam kalangan guru agar pelaksanaan pentaksiran bahasa Melayu dapat dilaksanakan mengikut garis panduan dan berada dalam landasan yang betul. Jika permasalahan ini dapat diberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya sudah pasti hasrat SPPK yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 terlaksana dengan jayanya pada masa akan datang. Amat wajar guru-guru bahasa Melayu mendapat pendedahan berkaitan pelaksanaan penskoran pentaksiran melalui kursus atau bengkel yang kerap dilakukan dan pemantauan daripada pihak berwajib berlaku dari semasa ke semasa.

RUJUKAN

- Arsaythamby, V., Hariharan, N.K. & Ruzlan M.A. (2015). Teachers' knowledge and readiness towards implementation of school based assessment in secondary schools. *Canadian Center of Science and Education. International Educations Studies*, 8 (11): 193-203.
- Arter, J. (2000). *Rubrics, scoring guides, and performance criteria: Classroom tools for assessing and improving student learning*. Pembentangan di mesyuarat tahunan New Orleans, LA: American Educational Research Association.
- Baird, J., Andrich, D., Hopfenbeck, T.N., Stobart, G. (2017). Assessment and learning: Fields

- apart? *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 24 (3): 317-350.
- Heejeong, J. (2015). What is your teacher rubric? Extracting teachers' assessment constructs. *Practical Assessment, Research & Evaluation*, 20 (6): 1-13.
- Kağan Büyükkarcı. (2014). Assessment beliefs and practices of language teachers in primary education. *International Journal of Instruction*, 7.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)*. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2012). Kajian berkaitan pentaksiran berdasarkan sekolah. <http://apps2.moe.gov.my/lp>
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2015). Kajian berkaitan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Norazilawati Abdullah, Nik Azmah Nik Yusof, & Rosnidar Mansor. (2012). Pelaksanaan pendekatan konstruktivisme dalam mata pelajaran Sains. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 2 (1): 78-91.
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, kemahiran, sikap, dan masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (1): 56-67.
- Sufean Hussin & Ghazali Darusalam. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan amalan dan analisis kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Suseela & Sim Kwan Hoon. (2010). Teacher perspectives of school-based assessment in a secondary school in Kuala Lumpur, *Procedia Social and Behavioral Sciences* 9: 1170-1176.
- Tan Ai Mei. (2010). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Malaysia: Kesediaan guru, isu dan panduan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Gerak Budaya Enterprise.
- Yin, R.K. (2011). *Qualitative research from start to finish*. New York: The Guilford Press.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, & Nik Muhamad Rahimi Mohd Yusoff. (2010). *Pentaksiran Bilik Darjah: Panduan untuk guru Bahasa Melayu, Inggeris, dan Arab*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.